

# UMS tambah emas di Sukpit 2016

GL Oh DE 31.1.2016 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menambah kutipan emas mereka kepada tiga selepas atlet Silat, Christina Edris dengan mudah menewaskan Nurnabillah Natasya Abdullah dari UiTM 5-0 di final kategori Kelas E Puteri pada Sabtu.

UMS sudah separuh jalan untuk mencapai sasaran enam emas mereka dalam kejohanan itu.

Terdahulu mereka meraih dua pingat emas menerusi Raymond Toh Meng Hui, Ahmady Radi dan Lee Kim Qin dalam acara poomsae Taekwondo berpasukan lelaki dan poomsae berpasukan campuran menerusi Ahmady Radi dan Cheong Pui Siong.

Ahmady Radi dan Cheong Pui Siong turut meraih satu perak setiap seorang dalam acara Poomsae Taekwondo lelaki dan wanita sementara satu gangsa dimenangi oleh pemain pedang Mike Teo Zhe Bin dalam acara foil lelaki.